

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16 August 2015

LAGI SAMPAI ROSAK PARTI

SEBAGAI bekas Perdana Menteri, **TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI** senantiasa sahaja dikoroti terutamanya dalam keadaan krisis politik sekarang bagi mendapatkan pandangan terkini beliau tentang kemelut yang berlaku dalam UMNO. Namun tidak ada apa yang dapat mengubah pendiriannya yang mahu bersikap berkecuali dalam krisis ini kerana itulah sikap sebenar dirinya.

Tidak mahu memburukkan orang lain, bersikap sinis dan sekali sekala berjenaka, tidak mencampuri urusan kerajaan, senantiasa tersenyum dan mengutamakan tetamu, tidak menyebelahi mana-mana pihak, apatah lagi cuba memperhargatkan suasana dengan mengeluarkan kenyataan pedas dan panas. Itulah sikap yang masih kekal pada dirinya

MUKADIMAH

yang cukup dikenali sebagai *Mr. Nice Guy* sejak awal kepimpinan dan kekal sehingga kini setelah bersara pada 2009.

Ketika diwawancara oleh wartawan *Mingguan Malaysia* **AZMAN ANUAR, HAFIZAHRI, HAMID, AMIZUL, TUNIZAR AHMAD TERMIZI, dan RASDAN AHMAD** serta jurugambar **ABDUL RAZAK LATIF** di rumahnya, beliau tetap menyatakan keresahan tentang apa yang menimpa UMNO ketika ini.

"Bagi saya, apa yang berlaku, walaupun ahli-ahli ada yang marah dan menyampah dengan keadaan ini, kepimpinan UMNO mesti mengambil tahu perkara ini.

"Saya cukup sayangkan UMNO. Jika hilang UMNO, tidak tahulah apa yang akan berlaku selepas ini. Saya mengharap agar Najib berjaya memperelok keadaan dan menjaga parti ini dengan seberapa baik mungkin.

"Mudah-mudahan Najib akan berjaya mengawal keadaan ini," katanya yang kemudian sempat menyediakan jamuan ala hari raya dengan ketupat palas, kuah kacang dan serunding. Malah beliau menghidangkan sendiri jamuan kepada tetamu, menyerahkan sosok rendah diri serta kemurnian peribadinya.

Sebelum mengundurkan diri, kami sempat dibawa mengelilingi laman rumahnya yang dihiasi pelbagai spesies pokok hutan yang diusahakan sendiri oleh isterinya, Tun Jeanne Abdullah.



um-16/8/2015

MINGGUAN: Bagaimana kehidupan Tun sekarang selepas tidak ada lagi tekanan dari segi politik, ekonomi dan sosial selepas bersara?

ABDULLAH: Itu yang bagus sebab sudah tidak ada tekanan. Orang tidak tahu tekanan sebagai Perdana Menteri.

Situas berundur sebagai Perdana Menteri, apakah Tun ada ditawarkan sebagai pengerusi mana-mana syarikat korporat milik kerajaan?

ABDULLAH: Tidak ada. Menyusahkan sahaja. Saya cuma jadi pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (KIM) dan Institut Antarabangsa Kajian Tinggi Islam Malaysia (IAIS).

Masih ada sebahagian masyarakat Malaysia yang bukan sahaja tidak faham tentang Islam, malah menghinakan agama kita. Apakah peranan KIM bagi menangani perkara ini?

ABDULLAH: Banyak usaha yang mesti dilakukan. Sebab hendak beri penerangan yang sebaik-baiknya bukan senang. IKIM tujuannya sudah tentu hendak memberi kefahaman berkaitan dengan Islam. IAIS pula perannya lebih mendalam hal-hal bersabit dengan Islam pada zaman dahulu dan zaman sekarang.

Selepas bersara, apakah masih ada dalam kalangan pemimpin UMNO yang datang berjumpa untuk minta nasihat atau sekadar bertanya khabar Tun?

ABDULLAH: Kawan-kawan lama pun ada datang bersembang.

Mungkin ada pemimpin yang rapat semasa Tun ada kuasa dahulu tetapi lupakan terus apabila Tun bukan lagi Perdana Menteri.

ABDULLAH: Itu pilihan masing-masing. Mereka ada kerja banyak. Saya pun ada banyak kerja juga sekarang ini. Bukan berkelahi atau apa, mungkin mereka lebih sibuk.

Pernahkah Tun rasa kecil hati atau terkilan dengan mereka yang bersikap begitu?

ABDULLAH: Saya tidak ada rasa terkilan atau kecil hati. Kalau mereka tidak datang sekalipun, takkan kita hendak mengemis sebab mereka tidak datang. Kalau mereka tidak datang, tidak apalah. Mereka ada kerja dan saya pun ada kerja.

Bercakap soal semasa, rakyat

Tidak boleh melupakan situasi yang sedang berlaku dan perlulah bersedia dan mengambil tahu sepanjang masa. Kalau pucuk pimpinan buat tidak tahu, seminggupun UMNO boleh parti perlulah kuat dan janganlah hanya harapan kepada orang lain. Kita sendiri perlu mencorakkan parti kita.



melihat suasana politik sekarang tidak begitu bagus dan semakin berkecamuk tetapi bagaimana pula pada pemerhatian Tun sendiri?

ABDULLAH: Saya rasa agak resah sedikit dengan apa yang berlaku sekarang. Masing-masing dengan idea masing-masing. Semua orang hendak bercakap. Keadaan menjadi kelam kabut, tidak tentu arah dan bergaduh sesama sendiri.

Keadaan begini menimbulkan perkara yang tidak menyedapkan hati. Saya pergi ke kedai atau ke mana-mana, ditanya juga tentang keadaan sekarang. "Pak Lah macam

mana sekarang ini?" Jadi, kita dengarlah.

Jadi, apakah nasihat Tun dalam suasana politik sekarang?

ABDULLAH: Orang kata Barisan Nasional (BN) mencatatkan keputusan tidak elok atau paling buruk dalam pilihan raya umum ketika Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi Perdana Menteri, tetapi kebenarannya BN dan UMNO masih menang. UMNO masih hidup lagi dan kepimpinannya masih ada.

Saya tertanya-tanya juga. Janganlah kelam kabut. Kita mesti berfikir dan memikirkan langkah-langkah terbaik supaya dapat memperbaiki keputusan pilihan raya.

Apakah Tun pernah buat teguran kepada Perdana Menteri tentang perkembangan sekarang yang memperlembatkan penuruan sokongan rakyat kepada kerajaan?

ABDULLAH: Saya ada tegur apabila berjumpa dengan Najib.

Perasaan rakyat yang agak marah dengan rombakan Kabinet baru-baru ini. Dilihat sokongan rakyat terhadap UMNO semakin menurun, bagaimana UMNO boleh mengatasi keadaan ini?

ABDULLAH: Bagi saya, apa yang berlaku, walaupun ahli-ahli ada yang marah dan menyampah dengan keadaan ini, kepimpinan UMNO mesti mengambil tahu perkara ini. Tidak boleh melupakan situasi yang sedang berlaku dan perlulah bersedia dan mengambil tahu sepanjang masa. Kalau pucuk pimpinan buat tidak tahu, seminggupun UMNO boleh parti perlulah kuat dan janganlah hanya harapan kepada orang lain. Kita sendiri perlu mencorakkan parti kita.

Bagaimana Tun melihat kedudukan UMNO sekarang? Mungkin ada ahli berada di tengah-tengah sama ada menyokong kepimpinan individu atau menyokong UMNO sebagai parti?

ABDULLAH: Saya rasa ahli UMNO sekarang banyak menyampahkan pandangan masing-masing. Mungkin mereka tidak puas hati dan beri pandangan mereka dalam akhbar seperti *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia*. Sejak penubuhannya, akhbar ini memainkan peranan besar dalam hubungan rakyat dan pemimpin.

Apakah pandangan-pandangan itu dapat membantu? Dalam keadaan itu, kita dapati apakah

keadaan lebih kelam kabut, susah hati, tidak seronok dan banyak cakap-cakap lain yang tidak elok? Dan apakah mereka tidak pernah lupa atau terus menerus (dalam keadaan begitu)? Kita harapkan nanti kita dapat pandangan yang lebih elok atau tepat yang dapat diterima oleh ramai.

Kalau kita lihat dari segi kesetiaan ahli UMNO kepada pemimpin, mereka cuma marah seketika dan akan kembali bertaut. Pandangan Tun dalam hal ini?

ABDULLAH: Dahulu pun macam itu juga. Agaknya mereka sedar telah buat keputusan tidak betul.

Pada 1987, Tun juga pernah digugurkan daripada Kabinet tetapi kembali bangkit sehingga menjadi Perdana Menteri. Apakah nasihat Tun kepada bekas Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan pemimpin-pemimpin lain yang turut digugurkan dalam rombakan Kabinet baru-baru ini?

ABDULLAH: Pengalaman saya tidak boleh disamakan dengan pengalaman orang lain sebab pengalaman orang lain lain-lain. Masa saya dahulu, ada banyak kekuatan. Masa itu, saya rasa lebih senang untuk berjalan dan bekerja, tidak terbatasi hanya dalam pejabat sahaja.

Bagi saya pemimpin-pemimpin yang terlibat janganlah merajuk, jangan meradang dan jangan menyumpah. Saya sendiri tidak merajuk ketika saya dibuang dahulu. Walaupun saya dibuang ketika itu, saya tetap berkempen seperti yang berlaku ketika Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Parit Raja, Johor (1988). Perjumpaan saya tetap dan telus bersama UMNO.

Saya cukup sayang kepada UMNO. Saya tetap jalankan tugas saya walaupun pada waktu itu saya tidak ada jawatan. Saya turun berkempen dan berceramah sampai tengah malam dan bercakap dengan orang kampung di situ. Bagi saya, apa yang penting adalah hati saya sendiri yang cukup sayang kepada parti walaupun saya dibuang. Itu adalah tugas yang perlu saya lakukan.

Keadaan sekarang sedikit sebanyak mencetuskan perpecahan dalam UMNO. Apakah yang harus dilakukan bagi memastikan UMNO terus utuh?

ABDULLAH: Saya akui kesan

itu memang ada, tapi saya harap langkah-langkah yang sepatutnya diambil dan keadaan ini perlulah dikawal. Parti sepatutnya mengawal apa sahaja masalah yang berlaku dan sekiranya tidak terkawal, hancur semuanya. Parti di negara mana sekalipun, kalau tidak dikawal memang akan jadi masalah.

saraf meneru ahli UMNO da dilihat tidak b sosial untuk n demi tohmah Pandangan Tu

ABDULLAH: lebih meng dan kepimpi melihat apa i kepimpinan situasi sedan marah, namt perlu ada kes memperbetu kata ahli UM serangan-ser oleh pihak la sememangnya hal ini. Ada y mereka tetap

Sebab itu pemimpin pi dan kebolehi untuk menen keadaan. Ani ekonomi dar berlaku ketil Alhamdu tidak berlaku sebagainya y Kalau ada pu marah antar berbeza-bez ada yang ma dahulu. Pem teguh dan m Kalau keti tidak ada, ha longgarlah p harapan adi menguruska pengurusan i juga perlu pa ahli supaya t memang ada sekalipun.



Kalau kita lihat, pembangkang berjaya membentuk persepsi negatif terhadap pemimpin kerajaan dan UMNO dengan menggunakan perang

Sebab itu pemimpin pi dan kebolehi untuk menen keadaan. Ani ekonomi dar berlaku ketil Alhamdu tidak berlaku sebagainya y Kalau ada pu marah antar berbeza-bez ada yang ma dahulu. Pem teguh dan m Kalau keti tidak ada, ha longgarlah p harapan adi menguruska pengurusan i juga perlu pa ahli supaya t memang ada sekalipun.

Isu laman i berlusconi ms sehingga orar menyebarkan semua ada, te penguatuksi

ABDULLAH: isu baru. Say itu memang kata tidak ad zaman saya c agak berbeza yang berjawi cepat menga keadaan ini r sehingga me sendiri.

Bersambung